

12/09/2003

Lisah Orang Asli pertama dilantik majistret

GEMAS: Masyarakat Orang Asli kini boleh berbangga dengan pelantikan seorang wanita berusia 33 tahun daripada suku Semai sebagai majistret Orang Asli yang dipercayai pertama di negara ini.

Lisah Che Mat (gambar) yang berasal dari Kampung Batu 2, Jalan Pahang dekat Tapah, Perak, lulusan sarjana muda Ijazah Undang-Undang dari Universiti Malaya, adalah lambang kemajuan Orang Asli dalam bidang pendidikan dan profesional.

"Saya ada minat yang mendalam dalam bidang perundangan, tetapi minat saja tidak mencukupi kerana mesti ada suatu kemahuan dan keazaman yang sangat kuat, menjadikan saya lebih tekun dengan bidang yang saya pilih.

"Dalam diri saya mengatakan bahawa jika orang lain boleh buat, mengapa saya tidak boleh melakukannya dan setiap kali berdepan dengan sebarang masalah, saya cuba mengatasi dengan kemahuan yang tinggi," katanya kepada Berita Harian dalam satu temuramah di pejabat Mahkamah Majistret Gemas, di sini.

Beliau menjawat Majistret Tampin sejak 1 Ogos lalu tetapi hanya bersedia untuk ditemuramah, semalam, yang sebelum ini dikatakannya atas alasan: "Tidak ada yang istimewa pada diri saya, kecuali suatu kemahuan kuat untuk berjaya."

Sewaktu kecil beliau hanya melihat kereta yang lalu lalang tidak jauh dari perkampungannya yang terletak tidak jauh dari jalan menuju Cameron Highlands.

"Dari kecil lagi, saya memang ada niat suatu hari nanti saya mahu buktikan anak Orang Asli boleh berjaya dalam bidang yang asing dengan mereka," kata Lisah, ibu kepada dua anak lelaki.

Suaminya dari suku Temuan dan Cina, lulusan Universiti Sains Malaysia (USM) kini menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang perniagaan.

"Kehidupan kami amat sederhana, beruntunglah kerana kampung kami berdekatan dengan orang Melayu, dapat bercampur gaul dengan lebih dekat, saling memahami dan membantu.

"Kerajaan pula banyak beri bantuan menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), bila saya sambung belajar jabatan juga bantu, Mara pun bantu sama," katanya.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Jalan Pahang (kini SRK Datuk Klana) dan seterusnya di Sekolah Menengah Buyong Adil sehingga tingkatan 6. Keputusan cemerlang yang diperolehi dalam STPM membolehkannya memasuki UM pada 1990 sehingga 1994.

Sejurus keluar dari universiti, dia menjadi pelatih kamar dan bekerja dengan sebuah firma guaman di Ipoh, sebelum berhenti dan berehat panjang. Sehingga pada 2001, dia diterima menjawat Penolong Kanan Pentadbir di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, sebelum diamanahkan jawatan sekarang.

"Ini peluang istimewa bila menjadi majistret, sesuai dengan jawatan dipegang, mahkamah menjalankan pengadilkan seadil-adilnya.

"Lebih daripada itu, saya mahu semua anak Orang Asli supaya terima hakikat bahawa kalau ada usaha, mesti ada jalan menuju kejayaan," kata Lisah.

Ibu bapa Lisah, Che Mat Sidol dan Pintah Balong yang mempunyai sembilan anak, bangga dengan kejayaan anaknya itu. Malah, seorang adik Lisah lulusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kini menjawat Pegawai Logistik di Kementerian Pertahanan. Anak bongsu mereka juga kini masih belajar di USM.

"Lebih ramai Orang Asli akan mencipta kejayaan sekiranya mereka dapat mengikis sifat malu dan rendah diri yang keterlaluan.

"Saya bersyukur kerana sejak kecil dapat bercampur dengan orang Melayu dan bangsa lain, kita berkawan dengan baik," kata Lisah yang kini menetap di Selandar, Melaka.

Lebih membanggakan, katanya, kawan dari bangsa lain memberi sokongan yang sangat kuat ketika dia sedang bertungkus lumus untuk mencapai kejayaan dalam bidang perundangan.

"Mereka mendesak saya supaya buktikan, buktikan kamu boleh buat, sokongan ibu bapa, kawan dan pensyarah inilah yang membawa saya ke kamar ini," katanya.

Beliau berkata, Orang Asli perlu mengambil peluang terhadap kemakmuran dan keamanan negara ini untuk melanjutkan pelajaran kerana ini saja jalan boleh mengubah masa depan mereka.

Lisah juga mengagumi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkannya memberikan peluang sama rata kepada semua rakyat di negara ini, untuk belajar dan mencapai kejayaan, asalkan mereka berusaha ke arah itu.

"Saya secara peribadi kagum dengan kewibawaan Perdana Menteri kita, berpandangan jauh dan dihormati," katanya.